

28 JUL 2003

Abdullah-Komitmen/I

ABDULLAH JAMIN JAYAKAN KERJASAMA MALAYSIA-THAILAND

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi jaminan kepada ahli perniagaan Malaysia dan Thailand bahawa beliau akan memberi komitmen padu bagi memastikan sebarang pakatan dan kerjasama yang terjalin sesama mereka membuahkan hasil.

"Saya ingin nyatakan di hadapan anda semua bahawa saya benar-benar komited untuk memastikan apa jua kerjasama yang anda putuskan berjaya akhirnya," katanya kepada 300 ahli perniagaan dari kedua-dua negara semasa menutup Dialog Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand yang telah berlangsung di sini sejak semalam.

Timbalan Perdana Menteri juga meminta ahli perniagaan dari kedua-dua negara supaya bertekad untuk membuktikan bahawa Malaysia dan Thailand boleh bekerjasama demi kemakmuran bersama.

Abdullah, yang akan mengambil alih pucuk pimpinan negara apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya Oktober ini, berkata beliau sedar dialog kerjasama yang julung kali diadakan ini telah menghasilkan beberapa komitmen termasuk yang akan segera dilaksanakan.

"Oleh itu, marilah kita maju ke hadapan dengan penuh yakin dan sama-sama berusaha demi kebaikan Malaysia dan Thailand," katanya.

Pada dialog itu, empat memorandum persefahaman (MoU) telah dimeterai antara ahli perniagaan dan agensi kerajaan kedua-dua negara bagi menjalin kerjasama dalam bidang ekonomi, penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan.

Dr Mahathir dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra yang melakukan lawatan kerja dua hari ke sini mulai semalam, telah menyampaikan ucapan tama dan merasmikan dialog itu, semalam.

Dialog itu dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Lembaga Pembangunan Sains dan Teknologi Kebangsaan Thailand dan Kementerian Sains dan Teknologi kedua-dua negara.

Thaksin melahirkan keyakinan bahawa hubungan antara Malaysia dan Thailand akan terus kukuh selepas berlaku peralihan pucuk kepimpinan di Malaysia Oktober ini.

Bercakap kepada pemberita, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkara itu telah dimaklumkan kepada beliau oleh Thaksin.

Syed Hamid berkata pemimpin Thailand itu juga menyatakan beliau terharu dengan sambutan hangat yang diberikan oleh Dr Mahathir semasa lawatannya ke sini dan gembira dengan kelancaran rundingan dua hala yang telah diadakan.

"Berdasarkan perkara ini, kami yakin isu-isu yang ditimbulkan semasa perbincangan dan MoU yang telah ditandatangani akan menjadi kenyataan. Kerjasama rapat antara Malaysia dan Thailand akan meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara negara kita," katanya.

Syed Hamid berkata antara cadangan yang dibangkitkan pada mesyuarat dua hala itu ialah pelaksanaan pengeluaran visa secara bersama bagi memudahkan kegiatan perdagangan dan pelancongan.

-- BERNAMA

ZS SP MAI